



UM.R/SM3/134/12

14 Jun 2016

Timbalan Naib Canselor
Pengawal Kewangan
Ketua Pustakawan
Dekan/Pengarah Akademi/Fakulti/Institut/Pusat
Ketua Jabatan
Ketua Kolej Kediaman

Tuan/Puan,

PERATURAN PERJALANAN ATAS TUGAS RASMI KE LUAR NEGARA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan/puan, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan PB 3.3 – “Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan” pada 11.03.2016 bagi memastikan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan termasuk Badan-badan Berkanun Persekutuan menyusun semula keutamaan program dan aktiviti masing-masing dalam membantu kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan.
3. Antara langkah perbelanjaan berhemah yang diperkenalkan dalam pekeliling tersebut adalah supaya perjalanan atas tugas rasmi ke luar negara dilakukan bagi perkara yang benar-benar perlu serta memberi impak yang signifikan kepada kepentingan Negara. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Kewangan melalui surat KK/BSBB/ 10/72 Jld.8 (SK.1)(2) bertarikh 11.05.2016 telah mengeluarkan peraturan perjalanan ke luar negara untuk dipatuhi oleh Badan-badan Berkanun.
4. Selaras dengan peraturan berkenaan, kelulusan perjalanan atas tugas rasmi ke luar negara bagi semua staf Universiti Malaya (kecuali Naib Canselor yang perlu mendapatkan kelulusan Ketua Setiausaha Negara) hendaklah mendapat kelulusan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi selaku Pegawai Pengawal.
5. Proses mengemukakan permohonan adalah kekal seperti sedia ada, namun terdapat penambahan bagi perkara berikut:
 - (1) Permohonan hendaklah diterima oleh Pejabat Naib Canselor sekurang-kurangnya empat (4) minggu sebelum memulakan perjalanan.

- (2) Permohonan yang diterima oleh Pejabat Naib Canselor kurang daripada empat (4) minggu akan ditolak dan pegawai dikehendaki menggunakan kemudahan cuti rehat yang berkelayakan.

6. Dengan pelaksanaan peraturan baru ini, semua staf UM diminta merancang perjalanan atas tugas rasmi ke luar negara dalam tempoh masa yang mencukupi untuk mendapatkan kelulusan. Carta alir proses permohonan kelulusan serta borang Lampiran A adalah seperti di lampirkan dan boleh diperolehi di:

portal.um.edu.my » PTj Info » BSM » Cuti

7. Peraturan ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Pertanyaan lanjut berkenaan perkara di atas boleh diajukan kepada:

Cik Farawahida Ismail

Penolong Pendaftar, Seksyen Perkhimatan, BSM

Tel: 03-7967 7737

emel: farawahida@um.edu.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


YUSOFF MUSA
Pendaftar
21/9/11
s.k

Naib Canselor
Timbalan Pendaftar Kanan, BSM

Proses Kerja Bagi Kebenaran Perjalanan Ke Luar Negara Atas Tugas Rasmi
Bagi Semua Staf Universiti Malaya

